(Kursus ini menerangkan tentang rekabentuk dan pembinaan produk multimedia. Pelajar akan didekah dengan elemen multimedia, jenis aplikasi multimedia, perancangan, rekabentuk, pembangunan papan cerita, pembangunan produk, pengujian dan dipakejkan ke dalam pelbagai platform. Hasil daripada kemahiran pembangunan yang digabungkan dengan isu multimedia dapat menggalakkan pembangunan inovasi dan operasi kreatif dengan menggunakan alat pengarangan. Pelajar juga didekah dan dapat mengaplikasikan konsep multimedia interaktif yang meliputi interaksi, pengetahuan, pengguna dan antaramuka pengguna dalam proses penghasilan produk multimedia.)

## SINOPSIS KURSUS TERAS - PENGKHUSUSAN

### PROGRAM DIPLOMA SAINS

#### **SBF1013 GENERAL PHYSIOLOGY (Fisiologi Umum)**

This course introduces the physiological mechanisms in plant and animal body systems, which include discussions on basic mechanism in homeostasis, respiration, circulation, nutrition, muscular system, reproduction, plant structures and basic processes in photosynthesis.

(Kursus ini memperkenalkan mekanisme fisiologi dalam sistem tubuh tumbuhan dan haiwan, yang turut membincangkan mekanisme asas dalam homeostasis, respirasi, pengangkutan, nutrisi, sistem otot, pembiakan, struktur tumbuhan dan proses-peroses asas fotosintesis.)

#### **SBK1013 INTRODUCTION TO BIOCHEMISTRY (Pengenalan Kepada Biokimia)**

This course discusses the basic chemical reactions in cells at the molecular level. It includes biomolecules, enzymes, and metabolism of carbohydrate, lipid, amino acids and nucleotides. Enzyme characteristics and factors influence its kinetics will be discussed. Catabolism and anabolism processes and their applications in life are also discussed. Basic biochemical reactions in photosynthesis, aerobic and anaerobic metabolisms are included.

(Kursus ini membincangkan tindak balas kimia dalam sel pada peringkat molekul, termasuklah biomolekul, enzim, metabolisma karbohidrat, lipid, asid amino, dan nukleotida. Ciri-ciri enzim dan faktor-faktor yang mempengaruhi kinetiknya, proses katabolisma dan anabolisma akan dibincangkan dengan aplikasi dalam kehidupan. Tindakbalas biokimia dalam fotosintesis, metabolisma aerobik dan anaerobik turut dimasukkan.)

#### **SBT1043 BIOTECHNOLOGY CONCEPTS AND TECHNIQUES (Konsep dan Teknik-teknik Bioteknologi)**

This course discusses concepts and applications of biotechnology including biotechnology instruments and protocols, recombinant DNA technology, bioinformatics, microbiology, protein analysis, tissue culture and ethics in biotechnology. Students will get hands-on experience in laboratory procedures related to biotechnology applications in daily life. Series of lectures and experiments will allow students to comprehensively reinforce and strengthen their skills.

(Kursus ini membincangkan konsep dan aplikasi bioteknologi termasuklah instrumen bioteknologi dan protokol- protokol, teknologi DNA rekombinan, bioinformatik, mikrobiologi, analisis protein, tisu kultur dan etika- etika dalam bioteknologi. Para pelajar akan memperolehi pengalaman ‘hands-on’ dalam prosedur makmal yang berkaitan dengan aplikasi bioteknologi dalam kegunaan harian. Syarahan- syarahan dan ujikaji akan memberikan manfaat dimana para pelajar dapat menguatkan kemahiran-kemahiran mereka dengan lebih komprehensif.)

#### **SBV1013 INTRODUCTION TO CONSERVATION BIOLOGY (Pengenalan Biologi Pemuliharaan)**

This course discusses the fundamental principles of conservation biology, covering topics including the relationship between biotic and abiotic components of ecosystems. Application of ethics on environmental management and best practices in conservation are also developed.

(Kursus ini membincangkan prinsip asas biologi pemuliharaan, meliputi topik-topik termasuk perhubungan antara komponen biotik dan abiotik dalam persekitaran. Penggunaan etika ke atas pengurusan persekitaran dan amalan terbaik dalam pemuliharaan turut dibangunkan.)

#### **SFE1023 ELECTRICITY AND MAGNETISM (Keelektrikan dan Kemagnetan)**

The course covers basic physics concepts in electricity and magnetism. The main topics discussed are charges and electric fields, resistance and Ohm's Law, capacitance, inductance, ammeters, voltmeters, direct and alternating currents, magnetic forces and magnetic fields, and transformers.

(Kursus ini meliputi konsep asas Fizik dalam keelektrifan dan kemagnetan. Topik-topik utama yang dibincangkan ialah cas-cas dan medan elektrik, kerintangan dan Hukum Ohm, kapasitan, induktan, ammeter, voltameter, arus terus dan ulak-alik, daya magnetik dan medan magnetik, dan tranformers.)

### **SFT1013 WAVES AND OPTICS (Gelombang dan Optik)**

This course covers discussions and analysis of several theories such as simple harmonic motion, damped oscillations, forced oscillations, mechanical waves and electromagnetic waves. The phenomena of waves including refraction, diffraction, dispersion, scattering, polarization and interference will also be discussed. This course will also express on the application of waves such as ultrasound, microwaves, X-rays, gamma rays and LASER. Discussions on optical instrument which is designed based on waves principle such as microscope, telescope and ultrasonic detector.

(Kursus ini merangkumi perbincangan dan analisis beberapa teori seperti gerakan harmonik ringkas, ayunan terpendam, ayunan terpaksa dan gelombang mekanikal. Fenomena gelombang termasuk pembiasan, penyebaran, serakan pengutuban dan gangguan turut dibincangkan. Kursus ini turut menekankan aplikasi gelombang seperti ultrabunyi gelombang mikro, sinar X, sinar Gamma dan LASER. Perbincangan tentang instrumen optik yang direkabentuk berdasarkan prinsip-prinsip gelombang seperti mikroskop, teleskop dan pengesan ultrasonik.)

### **SFL1013 TECHNIQUES IN PHYSICS LABORATORY (Teknik-Teknik dalam Makmal Fizik)**

This course discusses about observation techniques and data analysis from contemporary physcs experiments. Topics covered are optics, heat, waves, mechanics and modern physics which used up to date technology such as sensors, micro-controller and computer.

(Kursus ini membincangkan tentang teknik-teknik mencerap dan menganalisis data daripada eksperimen-eksperimen dalam bidang fizik semasa. Bidang-bidang ini merangkumi optik, haba, gelombang, mekanik dan fizik moden dengan menggunakan teknologi terkini seperti penggunaan sensor, pengawal-mikro dan komputer.)

### **SKF1013 INTRODUCTION TO PHYSICAL CHEMISTRY (Pengenalan Kimia Fizikal)**

The course discusses the basic aspects of physical chemistry. The topics covered are concepts in basic thermodynamics laws, free energy, and Maxwell's equation; theories of chemical reaction, mechanism reactions, effect of temperature and catalyst are discussed.

(Kursus ini membincangkan aspek asas Kimia Fizikal. Topik merangkumi asas hukum termodinamik, tenaga bebas, dan persamaan Maxwell; teori-teori dalam tindak balas kimia, mekanisme tindak balas, kesan haba dan katalis dibincangkan.)

### **SKO1013 INTRODUCTION TO ORGANIC CHEMISTRY (Pengenalan Kimia Organik)**

The course covers the discussion of hybridization, resonance, stereochemistry, and classification of organic compounds, physical and chemical properties, visual test, IUPAC nomenclature and basic concept in polymer.

(Kursus ini meliputi perbincangan penghibridan, resonan, kimia stereo, dan pengelasan sebatian organik, sifat-sifat fizikal dan kimia, ujian visual, penamaan IUPAC dan konsep asas polimer.)

### **SKT1013 INTRODUCTION OF THE INORGANIC CHEMISTRY (Pengenalan Kimia Tak Organik)**

The course discusses of introduction of inorganic chemistry, electronic and magnetic behaviour of solids, preparation of materials in the solid state, synthetic materials and nanomaterials.

(Kursus ini meliputi perbincangan pengenalan kepada kimia keadaan pepejal, sifat elektronik dan magnetik pepejal, persediaan bahan dalam keadaan pepejal, bahan sintetik dan nanobahan.)

**SMU1024 CALCULUS FOR DIPLOMA (Kalkulus untuk Diploma)**

This course introduces the concepts of limits, continuity, differentiation and integration in single variable functions: polynomials, rational, exponential, logarithmic, trigonometric, and piecewise. Techniques of differentiation and integration and their applications in solving real world problems are also discussed.

(Kursus ini memperkenalkan konsep had, keselarasan, pembezaan dan kamiran untuk fungsi satu pembolehubah: polinomial, nisbah, eksponen, logaritma, trigonometri dan cebis demi cebis. Teknik pembezaan dan kamiran serta aplikasi kedua-duanya untuk menyelesaikan masalah dalam dunia sebenar turut dibincangkan.)

## PROGRAM DIPLOMA SAINS (MATEMATIK)

### **SMS1034 ELEMENTARY MATHEMATICS (Matematik Permulaan)**

This course aims to strengthen students' knowledge and expertise in fundamentals of mathematics as a preparation for them to take higher mathematics courses in future. Topics emphasized in this course include sets, real number systems, equations, inequalities, absolute inequalities, coordinate geometry, trigonometry, vectors and complex number.

(Kursus ini bertujuan memperkuuh pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam asas-asas matematik sebagai persediaan mereka untuk mempelajari kursus matematik peringkat tinggi di masa hadapan. Topik-topik yang diberi penekanan dalam kursus ini termasuklah set, sistem nombor nyata, persamaan, ketaksamaan, ketaksamaan mutlak, geometri koordinat, trigonometri, vektor dan nombor kompleks.)

### **SMS1024 ELEMENTARY STATISTICS (Statistik Permulaan)**

This course discusses and examines the basic concepts in statistics, including data representations, measures of central tendency, dispersions, probability, random variables and probability distributions, discrete and continuous probability distributions, sampling techniques and estimation of parameters.

(Kursus ini membincangkan dan meneliti konsep asas statistik, termasuklah persebaran data, ukuran kecenderungan memusat, serakan, kebarangkalian, pemboleh ubah rawak dan taburan kebarangkalian, teknik pensampelan dan anggaran parameter.)

### **SMS1034 INTRODUCTORY THEORY OF PROBABILITY AND STATISTICS (Pengenalan Teori Kebarangkalian Dan Statistik)**

This course is to discuss and examine the probability concepts, axioms of probability, mutually exclusive event, independent events, conditional probability and Bayes' theorem; random variables; density functions and probability density functions; discrete and continuous probability distributions; expectation and moment, probability generating function, moment generating function.

(Kursus ini membincangkan dan meneliti konsep-konsep kebarangkalian, aksiom-aksiom kebarangkalian, peristiwa saling eksklusif, peristiwa-peristiwa merdeka, kebarangkalian bersyarat dan teorem Bayes; pembolehubah rawak; fungsi ketumpatan dan fungsi ketumpatan kebarangkalian; fungsi taburan diskret dan selanjar; jangkaan dan momen; fungsi penjana kebarangkalian; fungsi penjana momen).

### **SMS1044 STATISTICAL INFERENCE (Statistik Inferensi)**

This course introduces statistical concepts, methods and their applications, focusing on parameter estimation; point and interval estimations for the mean and proportion in a single population, difference of two means and proportions of two independent populations and hypothesis testing, paired t-test, chi-square tests, ANOVA, regression and correlation.

(Kursus ini memperkenalkan konsep-konsep statistik, kaedah dan aplikasinya, memfokuskan anggaran parameter, titik dan jarak anggaran bagi min dan perkadarannya dalam satu populasi, perbezaan antara dua min, ujian hipotesis, ujian-t berpasangan, ujian khi-kuasa dua, ANOVA, regresi, dan korelasi)

### **SMS1054 STATISTICAL PACKAGE FOR ANALYSIS (Pakej Statistik Untuk Analisis)**

The aim of this course is to expose and provide students with the knowledge, skills and experience of using statistical software packages to organize, display and analyze data. These software packages may include the choice of Excel, R, SPSS, Minitab or any other relevant packages.

(Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan dan menyediakan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman menggunakan pakej-pakej perisian statistik bagi tujuan mengorganisasikan, memaparkan dan menganalisis data. Pakej-pakej perisian ini boleh terdiri daripada pilihan seperti Excel, R, SPSS, Minitab atau pun lain-lain perisian yang dianggap relevan.)

#### **SMN1014 ELEMENTARY CALCULUS (Kalkulus Permulaan)**

This course begins with an introduction to the concept of limits and continuity in single variable functions. Students are exposed to the definition and techniques of differentiation. Applications of differentiation in solving real life problems are also discussed.

(Kursus ini dimulakan dengan memperkenalkan konsep-konsep had dan keselarasan bagi fungsi satu pembolehubah. Pelajar didedahkan kepada takrif dan teknik-teknik pembezaan. Aplikasi pembezaan di dalam menyelesaikan masalah sebenar juga dibincangkan)

#### **SMN1024 INTERMEDIATE CALCULUS (Kalkulus Pertengahan)**

This course begins with the concept of indefinite integral and the fundamental theorem of integral calculus. Students are exposed to techniques of integration. Applications of integration such as area between curves and volume of solid of revolution are also discussed. Some numerical integration method and differential equations are also proposed.

(Kursus ini dimulakan dengan konsep kamiran tak tentu dan teorem asas kalkulus. Pelajar akan didedahkan dengan teknik-teknik kamiran. Aplikasi kamiran seperti mencari luas di antara lengkung dan juga isipadu kisaran akan turut dibincangkan. Kaedah kamiran secara berangka dan persamaan permbezaan juga diperkenalkan)

#### **SMA1014 ELEMENTARY ALGEBRA (Aljabar Permulaan)**

Topics covered include operations on algebraic expressions and polynomials, sequence and series, functions and graphs, solving systems of linear equations by using matrices and solving problems involving the conic sections.

(Tajuk-tajuk meliputi operasi ke atas ungkapan aljabar dan polynomial, jujukan dan siri, graf dan fungsi, menyelesaikan sistem persamaan linear menggunakan matriks dan menyelesaikan masalah yang melibatkan keratan kon)

#### **SMA1034 INTRODUCTION TO DISCRETE MATHEMATICS (Pengenalan kepada Matematik Diskrit)**

This course focuses on mathematical logic and reasoning which stresses on methods of proving simple mathematical statements. The topics include logic and proofs, set, sequences and series, permutation and combinations, relations and digraphs, equivalence relations, functions and introduction to graph theory.

(Kursus ini memfokus kepada logik dan penaakulan matematik yang menekankan kaedah pembuktian pernyataan matematik mudah. Tajuk-tajuknya merangkumi logik dan bukti, set, jujukan dan siri, pilih atur dan gabungan, hubungan dan digraf, hubungan kesetaraan, fungsi dan pengenalan kepada teori graf.)

#### **SMG1014 INTRODUCTION TO GEOMETRY (Pengenalan Geometri)**

This course is designed to introduce students the foundations of geometry. The course integrates the procedural skills with reasoning and proof. Topics include points, lines and angles; triangles, quadrilaterals and circles; polygons; lengths, areas and volumes; proportions, congruence and similarity; transformations and symmetry; vectors; reasoning and proof in geometry.

(Kursus ini direka untuk memperkenal pelajar kepada asas geometri. Kursus ini mengintegrasikan kemahiran prosudural dengan penaakulan dan pembuktian. Topik-topik termasuklah titik, garis dan sudut; segitiga, sisiempat dan bulatan; poligon; panjang, luas dan isipadu; perkadaran, kekongruenan dan kesamaan; transformasi dan simetri; vektors; penaakulan dan pembuktian dalam geometri.)

**SMQ1024 PROGRAMMING IN MATHEMATICS (Pengaturcaraan dalam Matematik)**

The course introduces the basics of computing concepts, algorithm, variables, operators, functions and program structures, storage classes, arrays, index, input/output and introduction to object-oriented programming concepts through a programming language.

(Kursus ini memperkenalkan konsep asas penghitungan, algoritma, pembolehubah, pengoperasi, fungsi dan struktur pengaturcaraan, kelas penyimpanan, tatasusunan, indeks, input/output, dan pengenalan kepada konsep pengaturcaraan berasaskan objek melalui suatu bahasa pengaturcaraan.)

**SMQ1034 OPTIMIZATION METHODS (Kaedah Pengoptimuman)**

This course focuses on the construction of linear programming (LP) model and its dual and solving LP problem by using simplex algorithm. It also covers sensitivity analysis of LP problem and relationships between primal and dual. Formulating and solving transportation problem are also included.

(Kursus ini memfokuskan kepada formulasi model pengaturcaraan linear (LP) beserta dual dan juga menyelesaikan masalah tersebut menggunakan kaedah simpleks. Kursus ini juga meliputi analisis sensitiviti masalah LP serta hubungan antara primal dan dual. Formulasi dan penyelesaian masalah pengangkutan juga dibincangkan dalam kursus ini.)

## DIPLOMA TEKNOLOGI MAKMAL

### SBL1013 INSTRUMENTATION AND MICROSCOPY (Instrumentasi dan Mikroskopi)

This course discusses the techniques and procedures of handling instruments such as autoclave, laminar flow, microtome, microscopes, and other apparatus necessary in biology laboratory. It also emphasizes on safety precautions for each procedure.

(Kursus ini membincangkan langkah-langkah dan teknik-teknik mengendalikan peralatan seperti autoklaf, aliran laminar, mikrotom, mikroskop dan peralatan lain yang perlu dalam makmal biologi. Ia juga menekankan tentang langkah-langkah keselamatan bagi setiap prosedur.)

### SBL1023 TECHNIQUES IN BIOLOGY AND BIOCHEMISTRY LABORATORY (Teknik-Teknik dalam Makmal Biologi dan Biokimia)

This course strengthens students' understanding in various aspects of biology and biochemistry procedures, which include basic laboratory procedures such as laboratory safety, basic units of biology and biochemistry, analysis, interpretation and presentation of experimental data. Basic theories of biology and biochemistry will also be introduced.

(Kursus ini memperkuuhkan pengetahuan pelajar tentang berbagai aspek dalam prosedur biologi dan biokimia, yang merangkumi prosedur asas makmal seperti keselamatan makmal, unit asas dalam biologi dan biokimia, analisis, interpretasi dan persebaran data eksperimen. Teori asas biologi dan biokimia juga akan diperkenalkan.)

### SBT1043 BIOTECHNOLOGY CONCEPTS AND TECHNIQUES

This course discusses concepts and applications of biotechnology including biotechnology instruments and protocols, recombinant DNA technology, bioinformatics, microbiology, protein analysis, tissue culture and ethics in biotechnology. Students will get hands-on experience in laboratory procedures related to biotechnology applications in daily life. Series of lectures and experiments will allow students to comprehensively reinforce and strengthen their skills.

### SBV1023 FIELDWORK AND BIOASSESSMENT (Kajian Lapangan dan Penilaian Biologi)

This course exposes students to employ a high quality fieldwork with proper techniques such as sampling, field experimental design and statistical work. Specific risk assessment for any potential hazardous fieldwork activities is included in this course. Students will be involved in predicting, minimizing and managing any possible risk, starting at the planning stage and extending throughout the fieldwork.

(Kursus ini mendedahkan kepada pelajar untuk menguasai kajian lapangan yang berkualiti serta teknik- teknik yang betul seperti persampelan, rekabentuk eksperimen di lapangan dan penggunaan statistik. Penilaian risiko terperinci bagi setiap bahaya yang mungkin terjadi ketika aktiviti kajian lapangan turut dimuatkan di dalam kursus ini. Pelajar akan melibatkan diri dalam menjangka, meminimum dan menguruskan risiko, bermula dari peringkat perancangan dan sepanjang kajian lapangan.)

### SFE1013 ELECTRONIC TECHNOLOGY (Teknologi Elektronik)

The course covers basic analogue and digital electronics. The topics include semiconductors, d.c. power supplies, bipolar junction transistors, small-signal amplifiers, digital systems, microprocessor and microcontroller

(Kursus ini merangkumi elektronik analog dan digital. Topik-topik terdiri daripada semikonduktor, pembekal kuasa arus terus, transistor dwikutub, amplifier isyarat lemah, sistem digital, mikro- pemproses dan pengawal- mikro.)

### **SFE1023 ELECTRICITY AND MAGNETISM (Keelektrikan dan Kemagnetan)**

The course covers basic physics concepts in electricity and magnetism. The main topics are charges and electric fields, resistance and Ohm's Law, capacitance, ammeters, voltmeters, direct and alternating currents, magnetic forces and magnetic fields, and transformers.

(Kursus ini merangkumi konsep fizik dalam keelektrikan dan kemagnetan. Topik-topik utama adalah cas dan medan elektrik, rintangan dan Hukum Ohm, kapasitan, ammeter, voltmeter dan ohmmeter, arus terus dan arus ulang-alik, daya magnet dan medan magnet serta transformer.)

### **SFL1013 TECHNIQUES IN PHYSICS LABORATORY (Teknik-Teknik dalam Makmal Fizik)**

This course discusses about observation techniques and data analysis from contemporary Physics experiments. Topics covered are optics, heat, waves, mechanics and modern physics which used up to date technology such as sensors, micro-controller and computer.

(Kursus ini membincangkan tentang teknik-teknik mencerap dan menganalisis data daripada eksperimen-eksperimen dalam bidang Fizik semasa. Bidang-bidang ini merangkumi optik, haba, gelombang, mekanik dan fizik moden dengan menggunakan teknologi terkini seperti penggunaan sensor, pengawal-mikro dan komputer.)

### **SFT1013 WAVES AND OPTICS (Gelombang dan Optik)**

This course covers discussions and analysis of several theories such as simple harmonic motion, damped oscillations, forced oscillations and mechanical waves. The phenomena of waves including refraction, diffraction, dispersion, scattering, polarization and interference will also be discussed. This course also expresses on the application of waves such as ultrasound, microwaves, X-rays, gamma rays and LASER. Discussions on optical instrument which is designed based on wave principles such as microscope, telescope and ultrasonic detector.

(Kursus ini merangkumi perbincangan dan analisis beberapa teori seperti gerakan harmonik ringkas, ayunan terlempar, ayunan terpacu dan gelombang mekanikal. Fenomena gelombang termasuk pembiasan, pembelauan, penyerakan, pengutuban dan interferensi turut dibincangkan. Kursus ini turut menekankan aplikasi gelombang seperti ultrabunyi, gelombang mikro, sinar X, sinar gamma dan LASER. Perbincangan tentang intrumen optik yang direkabentuk berdasarkan prinsip-prinsip gelombang seperti mikroskop, teleskop dan pengesan ultrasonik.)

### **SKL1013 TECHNIQUES IN ANALYTICAL CHEMISTRY (Teknik-Teknik Dalam Kimia Analisis)**

This course discusses about basic knowledge of analytical chemistry includes concentration expression, basic statistics in analytical chemistry, chemical equilibrium, acid-base equilibrium and titration, complexometric equilibrium and titration, redox equilibrium and titration, gravimetric analysis and precipitation titration.

(Kursus ini membincangkan pengetahuan asas dalam kimia analisis termasuk ungkapan kepekatan, statistik asas dalam kimia analisis, keseimbangan kimia, keseimbangan asid-bas dan pentitratan, keseimbangan kompleks dan pentitratan, keseimbangan redoks dan pentitratan, analisis gravimetrik dan pentitratan pemendakan).

### **SKL1033 SEPARATION TECHNIQUES IN CHEMISTRY (Teknik-Teknik Pemisahan dalam Kimia)**

This course introduces the principles and theory of separation techniques includes distillation, filtration, evaporation, chromatography, solvent extraction, centrifugation, fractional distillation, crystallization, solid phase extraction.

(Kursus ini memperkenalkan prinsip dan teori teknik pemisahan seperti penyulingan, penapisan, penyejatan, kromatografi, pengekstrakan pelarut, emparan, penyulingan berperingkat, penghabluran dan pengekstrakan fasa pepejal.)

### **SKL1043 SPECTROSCOPY TECHNIQUES (Teknik-Teknik Dalam Spektroskopi)**

This course will introduce the principles and applications of various spectroscopic techniques to analyze materials which includes infrared spectroscopy, ultraviolet/visible spectroscopy, mass spectroscopy, atomic absorption spectroscopy, nuclear magnetic resonance spectroscopy, and other spectroscopic techniques.

(Kursus ini memperkenalkan prinsip dan kegunaan beberapa teknik spektroskopi dalam menganalisis bahan termasuk spektroskopi inframerah, spektroskopi ultralembayung/cahaya nampak, spektroskopi jisim, spektroskopi penyerapan atom, spektroskopi nukleus magnetik resonan dan lain-lain teknik spektroskopi.)

### **SKF1013 INTRODUCTION TO PHYSICAL CHEMISTRY (Pengenalan Kimia Fizikal)**

The course discusses the basic aspects of physical chemistry. The topics covered are concepts in basic thermodynamics laws, free energy, and Maxwell's equation; theories of chemical reaction, mechanism reactions, effect of temperature and catalyst are discussed.

(Kursus ini membincangkan aspek asas Kimia Fizikal. Topik merangkumi asas hukum termodinamik, tenaga bebas, dan persamaan Maxwell; teori-teori dalam tindak balas kimia, mekanisme tindak balas, kesan haba dan katalis dibincangkan.)

### **SKO1013 INTRODUCTION TO ORGANIC CHEMISTRY (Pengenalan Kimia Organik)**

The course covers the discussion of hybridization, resonance, stereochemistry, and classification of organic compounds, physical and chemical properties, visual test, IUPAC nomenclature and basic concept in polymer.

(Kursus ini meliputi perbincangan penghibridan, resonan, kimia stereo, dan pengelasan sebatian organik, sifat-sifat fizikal dan kimia, ujian visual, penamaan IUPAC dan konsep asas polimer.)

### **SKT1013 INTRODUCTION OF THE INORGANIC CHEMISTRY (Pengenalan Kimia Tak Organik)**

The course discusses of introduction of inorganic chemistry, electronic and magnetic behaviour of solids, preparation of materials in the solid state, synthetic materials and nanomaterials.

(Kursus ini meliputi perbincangan pengenalan kepada kimia keadaan pepejal, sifat elektronik dan magnetik pepejal, persediaan bahan dalam keadaan pepejal, bahan sintetik dan nanobahan.)

## SINOPSIS KURSUS ELEKTIF – DIPLOMA SAINS SAHAJA

### **SBU1043 EMERGING ISSUES IN BIOLOGY (Isu- Isu Terkini Dalam Biologi)**

The course discusses the recent issues, latest findings, and inventions in the field of biology, including in genetics, microbiology, environment and conservation biology. It will emphasize on the implications of the current issues on ethics, as well as social and economic aspects. This course encourages students to discuss, debate, analyse, evaluate and justify their opinions on the emerging issues.

(Kursus ini membincangkan tentang isu- isu terkini, penemuan terkini dan ciptaan- ciptaan dalam bidang biologi termasuk genetik, mikrobiologi, persekitaran dan biologi pemuliharaan. Ia akan menekankan tentang implikasi isu semasa tentang etika, juga aspek sosial dan ekonomi. Kursus ini menggalakkan pelajar untuk berbincang, berdebat, menganalisis, menilai dan memberi justifikasi tentang pendapat- pendapat tentang isu- isu terkini.)

### **SBU1033 NOVEL KNOWLEDGE IN BIOLOGY (Ilmu Terkini dalam Biologi)**

The course discusses the recent issues in the field of biology, including latest findings and inventions in genetics, microbiology, biochemistry, biodiversity, biotechnology, molecular biology and the environment. It will emphasize on the implications of the current issues on ethics, as well as social and economic aspects. This course encourages students to discuss debate, analyze, evaluate and justify their opinions on current issues.

(Kursus ini membincangkan isu mutakhir dalam bidang Biologi, termasuklah penemuan dan ciptaan terkini dalam genetik, mikrobiologi, biokimia, biodiversiti, bioteknologi, biologi molekul dan persekitaran. Ia turut menekankan implikasi isu-isu terkini ini ke atas etika, begitu juga aspek sosial dan ekonomi. Kursus ini menggalakkan pelajar untuk berbincang secara perdebatan, menganalisis, menilai dan menjustifikasi pendapat mereka ke atas isu-isu terkini ini.)

### **SFG1013 NON DESTRUCTIVE TESTING (Ujian Tanpa Musnah)**

This course covers principles and practical of non destructive testing methods. The topics include EDDY current testing, ultrasonic testing, magnetic particle inspection, liquid penetrant testing and radiography imaging.

(Kursus ini merangkumi prinsip dan amali bagi kaedah-kaedah ujian tanpa musnah. Topik-topik lain termasuklah ujian EDDY arus pusar, ujian ultrasonik, pemeriksaan jasad magnet, ujian penembusan cecair dan pengimejan radiografi.)

### **SFT1023 INTRODUCTION TO RADIATION AND NUCLEAR PHYSICS (Pengenalan Sinaran dan Fizik Nuklear)**

This course focuses on the basic Physics and knowledge in nuclear and radiation physics. Topics include ionizing radiation, interaction of radiation with matter, radioactive decay and series, nuclear reaction, brief history, basic nuclear fission, fusion theory and reactor types.

(Kursus ini memberi tumpuan kepada asas Fizik dan pengetahuan dalam Fizik radiasi dan nuklear. Topik- topik meliputi radiasi pengionan, interaksi radiasi dengan bahan, pereputan dan siri-siri radioaktif, tindakbalas nuklear, sejarah ringkas, asas belahan nuklear, teori pelakuran dan jenis-jenis reaktor.)

### **SKL1013 TECHNIQUES IN ANALYTICAL CHEMISTRY (Teknik-Teknik Dalam Kimia Analisis)**

This course discusses about basic knowledge of analytical chemistry includes concentration expression, basic statistics in analytical chemistry, chemical equilibrium, acid-base equilibrium and titration, complexometric equilibrium and titration, redox equilibrium and titration, gravimetric analysis and precipitation titration.

(Kursus ini membincangkan pengetahuan asas dalam kimia analisis termasuk ungkapan kepekatan, statistik asas dalam kimia analisis, keseimbangan kimia, keseimbangan asid-bas dan pentitratan, keseimbangan kompleks dan pentitratan, keseimbangan redoks dan pentitratan, analisis gravimetrik dan pentitratan pemendakan).

### **SKA1013 INTRODUCTION TO ANALYTICAL CHEMISTRY (Pengenalan Kepada Kimia Analisis)**

This course delivers an introduction of analytical chemistry and its applications such as gravimetric, separation, titration and chromatography technique.

(Kursus ini memperkenalkan kimia analisis dan aplikasinya dalam seperti gravimetrik, permisahan, pentitratan dan teknik kromatografi)

### **SINOPSIS KURSUS PENGURUSAN – DIPLOMA TEKNOLOGI MAKMAL SAHAJA**

#### **SSM1032 PENGURUSAN DAN KESELAMATAN MAKMAL SAINS**

Kursus ini membincangkan teknik pengurusan dan pengendalian makmal sains yang merangkumi aspek keselamatan dan peraturan makmal, pengurusan sumber manusia, kewangan, aset inventori, penyelenggaraan makmal dan peralatan serta pengstoran bahan kimia dan sisa bahan kimia.

(This course discusses about management technique and handling science laboratories includes laboratory safety and rules, management of personnel resources, financial, inventory asset, laboratory instruments and maintenance, chemicals and waste storage.)

### **SINOPSIS KURSUS LATIHAN INDUSTRI**

#### **SUL1016 INDUSTRIAL TRAINING (Latihan Industri)**

Pelajar menjalani Latihan Industri di syarikat-syarikat atau organisasi-organisasi yang berkaitan dengan bidang pengajian masing-masing dalam tempoh yang ditetapkan. Pelajar akan mendapat pengalaman keadaan sebenar operasi syarikat atau organisasi tersebut. Prestasi pelajar akan dipantau oleh penyelia daripada fakulti dan syarikat tempat latihan industri dijalankan. Pelajar perlu melengkapkan tugas khusus dan menyediakan laporan akhir mengikut bidang pengajian mereka

(Students undergo industrial training in companies or organizations related to their disciplines in a fixed duration of time. Students will experience the actual operation of the companies or organizations. Students' performance will be monitored by supervisors from both faculty and company. Students have to complete assignments and prepare final reports according to their disciplines.)

## SAHSIAH DIRI PELAJAR

### Pakaian Pelajar Lelaki

- a. Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai sebagai seorang mahasiswa universiti iaitu kemas, berseluar panjang dengan berbaju kemeja lengan panjang, bertali leher, pakaian kebangsaan atau etnik yang sesuai. Bahagian bawah baju hendaklah dimasukkan ke dalam bahagian seluar pada paras pinggang.
- b. Berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kolar baju. Fesyen rambut tidak keterlaluan dan perlu bersesuaian dan kemas.
- c. Memakai seluar panjang yang bersih, kemas dan sopan. Pakaian jeans tidak dibenarkan sama sekali.
- d. Memakai pakaian sukan yang sesuai semasa bersukan atau berekreasi.
- e. Memakai kasut kulit hitam dan berstokin.

### Pakaian Pelajar Perempuan

- a. Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai sebagai seorang mahasiswa universiti, berbaju kurung, kebaya labuh, kebarung atau pakaian etnik masing-masing yang sesuai, kemas dan tidak menjolok mata. Baju mestilah berlengan dan tidak sendat serta tidak menunjukkan bentuk tubuh badan.
- b. Pelajar Islam digalakkan bertudung tetapi tidak menutup sebahagian atau seluruh daripada muka (berpurdah).
- c. Memakai kain atau skirt labuhnya hendaklah di bawah paras lutut.
- d. Memakai seluar yang bersesuaian, bersih dan sopan. Pakaian jeans tidak dibenarkan.
- e. Memakai alat solek, aksesori dan pewangi secara sederhana.
- f. Memakai kasut yang menutupi jari kaki, lereng kaki dan tumit.

## SISTEM PENASIHAT AKADEMIK

### 1. Pengenalan

Sistem Penasihat Akademik adalah kerjasama yang diberikan oleh kakitangan akademik untuk membimbing, menasihat dan membantu mengatasi masalah-masalah pelajar dalam hal ehwal akademik. Dalam sistem semester berkredit, pelajar dibenarkan memilih kursus-kursus mengikut minat dan kemampuannya sendiri. Oleh itu, pelajar perlu diberikan nasihat oleh Penasihat Akademik (PA) dari semasa ke semasa supaya pelajar dapat menggunakan masanya di universiti ini dengan lebih terancang untuk mencapai kejayaan sehingga dapat menamatkan pengajian di universiti.

### 2. Konsep Penasihat Akademik

Penasihat Akademik ialah seorang kakitangan universiti (biasanya kakitangan akademik sesebuah fakulti) yang ditugaskan membimbing seseorang pelajar dalam perancangan akademiknya. Di bawah sistem ini, pada dasarnya seseorang Penasihat Akademik akan ditugaskan untuk membantu pelajar-pelajar dalam memperjelaskan objektif-objektif pengajian, menyusun pengambilan kursus-kursus akademik dan menggunakan potensi yang ada pada diri mereka untuk memenuhi keperluan pengijazahan. Biasanya seseorang Penasihat Akademik akan ditugaskan membantu dan menasihatkan sekumpulan pelajar orang bermula dari awal pengajian, iaitu semasa mereka memasuki universiti sehinggalah mereka tamat pengajian di universiti ini.

### 3. Objektif Sistem Penasihat Akademik

- 3.1 Membantu meningkatkan potensi akademik pelajar;
- 3.2 Memberi bimbingan kepada pelajar dalam perancangan pengajian dan aktiviti lain yang boleh meningkatkan pencapaian akademik dan sahsiah individu pelajar;
- 3.3 Membantu menyelesaikan masalah akademik pelajar;
- 3.4 Menggerakkan hubungan antara pelajar dan pensyarah;
- 3.5 Memberi nasihat mengenai peluang-peluang kerjaya pelajar; dan
- 3.6 Memotivasi pelajar-pelajar yang didapati lemah dan memaksimumkan keupayaan pelajar-pelajar cemerlang di UPSI.

### 4. Peranan dan Tanggungjawab Penasihat Akademik

Tanggungjawab Penasihat Akademik adalah seperti berikut:

- 4.1 Memberi nasihat kepada pelajar-pelajar di bawah jagaannya dalam hal-hal akademik, seperti pemilihan bidang-bidang pengkhususan, minor dan pendaftaran kursus-kursus pra-syarat dan sebagainya. Dalam hal ini, Penasihat Akademik diminta mengadakan pertemuan sebanyak tiga (3) kali dalam satu semester;
- 4.2 Memberi nasihat tentang keperluan bidang pengkhususan minor, pengecualian kursus, elektif dan keperluan pengijazahan keseluruhannya;
- 4.3 Meneliti kemajuan pelajar-pelajar yang di bawah jagaannya dari semasa ke semasa dan memberi nasihat kepada pelajar-pelajar tersebut tentang keperluan-keperluan yang mesti dipenuhi untuk pengijazahan;
- 4.4 Meneliti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar berhubung dengan pengajian mereka dan membuat syor kepada Ketua Jabatan atau pensyarah yang berkenaan tentang langkah-langkah yang perlu diambil bagi membantu pelajar-pelajar berkenaan seperti mengadakan perjumpaan atau tutorial khas atau menasihatkan pelajar berkenaan supaya menggugurkan kursus tersebut atau perkara-perkara lain;
- 4.5 Menjelaskan kepada pelajar-pelajar tentang sistem pengajian berkredit dan keperluan-keperluannya;
- 4.6 Merujukkan pelajar-pelajar yang di bawah jagaannya kepada pihak-pihak berkenaan jika pelajar mempunyai masalah-masalah bukan akademik;

- 4.7 Menasihati pelajar-pelajar di bawah jagaannya tentang kaedah-kaedah belajar yang dapat membantu mereka dalam pengajiannya;
- 4.8 Menjelaskan kepada pelajar-pelajar di bawah jagaannya tentang peluang-peluang kerjaya yang terbuka kepada mereka;
- 4.9 Memberi ulasan berkenaan permohonan menangguh pengajian atau cuti dengan kebenaran pelajar-pelajar di bawah jagaannya;
- 4.10 Memberi nasihat-nasihat lain yang dapat membantu pelajar-pelajar dalam pengajian mereka.

**5. Agihan pelajar-pelajar untuk setiap Penasihat Akademik**

Pelajar-pelajar akan diletakkan di bawah Penasihat Akademik/pensyarah-pensyarah di Fakulti/Jabatan bagi program berkenaan. Tanggungjawab ini adalah sebahagian daripada tugas seseorang pensyarah.

**6. Penutup**

Untuk memastikan Sistem Penasihat Akademik ini berjalan secara berkesan, ia memerlukan kerjasama kedua-dua pihak iaitu pensyarah-pensyarah yang telah dilantik sebagai Penasihat Akademik dan juga pelajar-pelajar. Kedua-dua pihak perlu memainkan peranan masing-masing untuk mendapat faedah yang diharapkan. Dekan atau Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar) hendaklah sentiasa memantau perkembangan dan memastikan Sistem Penasihat Akademik ini berjalan dengan baik.

**ALAMAT PERHUBUNGAN FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK (FSM)**

Fakulti Sains dan Matematik

Aras 1, Blok ST-01

Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjong Malim

Perak Darul Ridzuan

Telefon : 015-48797526/7205/7577

Faksimili : 015-48797296

Emel : fsmt@upsi.edu.my

Laman web : <http://fsmt.upsi.edu.my>

**WAKTU BERURUSAN FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK (FSM)**

**Isnin hingga Khamis**

Waktu Operasi : 8:30 pagi hingga 4.30 petang  
Waktu Rehat : 1.00 petang hingga 2.00 petang

**Jumaat**

Waktu Operasi : 8.30 pagi hingga 4.30 petang  
Waktu Rehat : 12.15 petang hingga 2.45 petang

**Sabtu, Ahad dan Cuti Umum**

Tutup

**Nota:**

*"Maklumat yang terkandung dalam buku ini adalah betul sewaktu buku ini dicetak. Pihak Fakulti berhak menambah, memindah dan membetulkan mana-mana kandungan tanpa terlebih dahulu memaklumkannya kepada pelajar."*